

SIDANG RIDAKSI

Penaung

Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Bin Kassim

Penasihat Unit

Dr. Doria Binti Abdullah

Zulkifli Bin Osman

Kartika Ista Binti Mohamed Shah

Noor Azidah Binti Ahmad

Mohamad Fahmi Bin Amat Easan

Mohd Zaini Bin Azizan

Edaran Dan Promosi

Mohamad Fahmi Bin Amat Easan

Grafik

Maria Binti Ahmad

Fotografi

Syed Muhammad Hilmi Bin Syed Yahya

RAHSIA AHLI AKADEMIK YANG BERJAYA Profesor Pelawat UTM Prof. Shelda Debowski



Pada 17 September 2018 yang lalu pejabat pengurusan UTMSPACE di Johor Bahru telah menerima kunjungan daripada Profesor Pelawat UTM, Prof. Shelda Debowski. Para kakitangan UTMSPACE telah berpeluang untuk menghadiri ceramah, beliau yang bertajuk Rahsia Ahli Akademik Yang Berjaya pada hari tersebut di Auditorium Institut Pembangunan Bioproduct (IBD) UTM.

Menurut beliau, kerjaya dalam bidang pendidikan mampu memberi impak yang besar kepada manusia. Ramai yang memandang tinggi kepada para ilmuan kerana pendidikan yang diterima mampu merubah peradaban manusia. Tambah beliau lagi, cabaran bagi para akademik di universiti kini sangat berbeza berbanding dahulu. Mereka dikehendaki untuk menjalani tempoh percubaan sebelum disahkan untuk mengajar secara tetap. Dalam tempoh ini, mereka perlu lebih proaktif bagi membentuk pendekatan yang terbaik di dalam pengajaran, pembelajaran, dan kemahiran yang berkaitan.



Mereka juga perlu membangunkan dan melaksanakan lebih banyak penyelidikan, dengan cara menerbitkan terbitan-terbitan yang berkaitan hasil daripada kajian yang diperolehi. Inisiatif yang tinggi juga mampu memberikan hasil dengan memperolehi pendapatan geran penyelidikan yang diperuntukkan bagi melaksanakan kajian di dalam bidang-bidang yang berkaitan .

Bagi membantu warga akademik untuk berjaya di bidangnya adalah penting untuk memahami faktor-faktor yang menyokong kejayaan di dalam kerjaya mereka. Menurut Prof. Shelda, terdapat lima elemen yang memastikan bidang akademik dapat berkembang maju serta relevan. Ini termasuklah membangunkan identiti akademik yang kuat, mengenal pasti strategi untuk kejayaan di dalam akademik bagi jangka masa pendek dan jangka panjang. Juga punyai tangga kerjaya yang menarik, pengurusan prestasi yang berkualiti, dan membina rangkaian sokongan yang luas.

Memetik kepada penulisan Prof. Ir Dr Mohd Azraai bin Kassim, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE dalam bukunya yang bertajuk “Kuliah Terakhir Saya - 20 Peraturan untuk naik ke atas di dalam bidang akademik “ sikap bekerjasama yang padu di kalangan ahli akademik harus diperkasakan bagi membantu meningkatkan bukan hanya sebagai pencapaian peribadi sahaja malah juga untuk kejayaan keseluruhan organisasi yang dinaungi.

Semasa sesi ceramahnya, Prof. Shelda berkongsi 10 petua untuk menjadi ahli akademik yang berjaya:

1. Membentuk dan membangunkan identiti diri yang jelas dan kaji semula pengetahuan dimiliki dari masa ke semasa agar ia relevan dengan semasa.
2. Fikirkan peningkatan laluan kerjaya yang mendatang dan bagaimana anda boleh mencapainya
3. Memahami secara mendalam kehendak universiti dari pelbagai aspek termasuklah tahap piawaian yang ditetapkan di dalam organisasi.
4. Kenal pasti misi dan visi atau matlamat utama yang perlu anda capai untuk memperolehi hasil yang anda inginkan.

5. Mengembangkan kemahiran pengurusan masa dan perkara-perkara yang menjadi keutamaan anda
6. Mencabar diri untuk maju dan merebut peluang yang diperolehi.
7. Menilai semula pencapaian yang telah anda perolehi dan himpunkan maklumat dan bukti yang cukup untuk dijadikan rujukan.
8. Membina rangkaian kenalan dan mentor yang luas untuk menyokong pembangunan kerjaya anda.
9. Wujudkan rangkaian kenalan yang berpengaruh bagi menyokong aspirasi kerjaya anda
10. Membina dan menyusun atur kejayaan-kejayaan yang anda kecapai.

Prof, Shelda Debowski telah berada di Malaysia untuk siri lawatan kerjanya dari 16hb sehingga 21hb September 2018. Beliau telah menyampaikan syarahan awam serta melaksanakan bengkel perancangan untuk kakitangan UTM dan UTMSPACE. Beliau juga telah, menjadi fasilitator bagi seminar kepimpinan akademik, dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Malaysia



BENGKEL PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN KENDIRI: AUDIT INSTITUSI UTMSPACE 2018



Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Alumni (BPKA) SPACE telah menjalankan Bengkel Penyediaan Laporan Penilaian Kendiri: Audit Institusi UTMSPACE 2018 pada 30 Ogos 2018 di Pusat Latihan UTM. Laporan yang diperolehi akan dikemukakan kepada Pusat Kualiti Dan Pengurusan Risiko, UTM (UTM QRiM) selaku Urusetia Audit Institusi UTMSPACE 2018 untuk dinilai oleh para panel yang dilantik. Dijangkakan lawatan audit oleh ahli panel akan diadakan pada November 2018.

Sehubungan dengan itu, seramai 35 orang Ahli Jawatankuasa *Task force* Penyediaan Laporan Penilaian Kendiri : Audit Institusi UTMSPACE 2018 telah dilantik bagi menyediakan laporan ini dan segala dokumen rujukan bagi sesi lawatan audit nanti. Laporan ini terdiri daripada Bahagian A: Pengurusan Dan Perkhidmatan (7 Standard dan 31 sub-standard) dan Bahagian B: Jaminan Kualiti Akademik (10 standard dan 46 sub-standard). Berikut adalah senarai ahli jawatankuasa yang telah dilantik:

Urusetia: Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Zulkifli Bin Mohd Yunus
 Cik Che Aliah Nor Hafizah Binti Che Zainal
 Cik Norizan Bin Abu Bakar
 En. Anwar Bin Ibrahim
 En. Mohd Zaini Bin Azizan
 En. Muahmmad Zuhairi Asyraf Bin Khalid
 Pn. Norshahidah Binti Mohayadi

Ahli Jawatankuasa: Dr. Doria Binti Abdullah (Ketua)
Pn. Bazlin Binti Burhan

Pn. Norulhuda Binti Zakaria (Ketua)
Cik Zayanee Binti Zainal Abiden
Pn. Rosmawati Binti Ibrahim

En. Mohd Izwan Bin Salleh (Ketua)
En. Abdullah Shaakir Bin Abdul Halim
Pn. Nurul 'Izzati Binti Mohd Hashim

En. Rosnizam Bin Maarof (Ketua)
En. Amirul Hakim Bin Mazlan
Pn. Siti Azyrimah Binti Abd Rahim

Pn. Nik Maria Binti Nik Mahamood (Ketua)
Dr. Sahnius Binti Usman
En. Faizul Azli Bin Abd Ridzab
En. Kamarul Ariffin Bin Abdul Kadir
En. Mohamad Shafie Bin Abdul Rashid
En. Mohammad Ahmad Bin Drs Nasrul
En. Mohd Rosydi Bin Abdullah
En. Nik Hamidi Bin Nik Mustapha
En. Othman Bin Jais
Pn. Hasliza Binti Husin @ Awi
Pn. Intan Afida Binti Mohamad Amin
Pn. Madihah Binti Md Fadil
Pn. Norhaslinda Binti Harun
Pn. Rosdina Binti Rahiman
Pn. Siti Fatimah Ilani Binti Bilyamin
Pn. Siti Nurhuda Binti Abd Wahid
YM Raja Putri Melissa Binti Raja Mustaffa



JERAYAWARA TIMBALAN DEKAN (PENGURUSAN KUALITI DAN ALUMNI) KE PUSAT PENGAJIAN UTMSPACE

Jawatankuasa Pengurusan UTMSPACE pada 10 Julai 2018 telah meluluskan penjenamaan semula Bahagian Jaminan Kulaiti UTMSPACE kepada Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Alumni (BPKA) SPACE yang diketuai oleh Timbalan Dekan (Pengurusan Kualiti Dan Alumni), SPACE yang dipertanggungjawabkan kepada Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Zulkifli Bin Mohd Yunus. Peranan dan fungsi BPKA menjadi lebih meluas setelah mendapat kelulusan untuk penjenamaan semula di mana ia bukan sahaja melibatkan Pengurusan Kualiti Akademik, malah ia merangkumi ke bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pengurusan Alumni, Endowmen, Biasiswa Dan Geran Penyelidikan.

Justeru itu, Roadshow Timbalan Dekan (Pengurusan Kualiti Dan Alumni) ke Pusat Pengajian UTMSPACE telah diadakan bagi mencapai dua fokus utama iaitu, menerangkan fungsi dan peranan BPKA kepada warga

UTMSPACE serta mendapatkan maklum balas daripada warga UTMSPACE berkaitan isu kualiti dan alumni. Program kali ini berjaya dijalankan melibatkan kerjasama sepenuhnya daripada Pusat Pengajian Separuh Masa (26 Julai 2018), Pusat Pengajian Diploma (27 Julai 2018), Pusat Program Kerjasama (27 Julai 2018), Bahagian Pengajian Atas Talian (27 Julai 2018), Bahagian Pendidikan Transnasional (29 Julai 2018), Pusat Pengajian Eksekutif (31 Julai 2018), Pusat Pembangunan Profesional (31 Julai 2018) dan Pusat Pengajian Ijazah (1 Ogos 2018).

Segala maklum balas yang diperolehi daripada *roadshow* telah ini menjadi kerangka kepada BPKA untuk menyusun gerak kerja dalam usaha membantu pusat-pusat pengajian yang terlibat menyelesaikan isu berkaitan kualiti dan alumni. BPKA sentiasa mengalu-alukan maklum balas dan cetusan idea daripada semua pihak dalam usaha bersama untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada para pelanggan.



LAWATAN PANEL ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL MALAYSIA (EAC) BAGI AUDIT AKREDITASI PROGRAM KEJURUTERAAN UTM

Bahagian Pengurusan Kualiti Dan Alumni (BPKA) telah berganding sama membantu Pusat Kualiti Dan Pengurusan Risiko, UTM (UTM QRiM) dalam mengendalikan Lawatan Delegasi Panel EAC bagi Audit Akreditasi Program Kejuruteraan UTM pada 18 dan 19 September 2018. Lawatan ini turut melibatkan audit bagi Program Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa UTM yang ditadbir oleh Pusat Pengajian Separuh Masa dengan kerjasama penuh fakulti yang terlibat, iaitu:

Audit (Program Baharu)	Sarjana Muda Kejuruteraan (Bioperubatan)	Sekolah Kejuruteraan Bioperubatan Dan Sains Kesihatan, Fakulti Kejuruteraan
	Sarjana Muda Kejuruteraan (Petroleum)	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan
Audit (Pusingan Baharu)	Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam)	Sekolah Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan
	Sarjana Muda Kejuruteraan (Kimia)	Sekolah Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga, Fakulti Kejuruteraan



SAMBUTAN JUBLI EMAS NIBM



Colombo - Institut Pengurusan Perniagaan Kebangsaan (NIBM) Colombo telah merayakan Perayaan Jubli Emasnya pada 7hb – 9hb September 2018 yang lalu. Terdapat beberapa aktiviti yang telah diatur bagi sambutan tersebut dan antaranya adalah pertandingan teknologi maklumat, persembahan kebudayaan, pertunjukan fesyen, maraton dan pameran pendidikan antarabangsa.

Menteri bagi Megapolis dan Pembangunan Barat, Encik Patali Champika Ranawaka telah merasmikan acara tersebut. Dalam ucapan, beliau menyatakan akan ada lebih banyak program inovatif yang diperkenalkan kepada umum, termasuklah melestarikan alam sekitar. Beliau juga mengucapkan setinggi tahniah kerana NIBM telah memainkan peranannya dalam menyediakan pendidikan dan latihan kemahiran di Sri Lanka. Manakala Dr. D.M.A Kulasooriya, Ketua Pengarah NIBM, mengucapkan terima kasih kepada seluruh kakitangan NIBM dengan usaha mereka selama ini dan amat mengalu-alukan penglibatan daripada agensi-agensi luar yang telah berganding bahu kepada kejayaan NIBM hari ini.

Prof. Ir.Dr. Zainuddin, Timbalan Naib Canselor UTM (Akademik dan Antarabangsa) menyatakan di dalam ucapannya bahawa UTM amat berbesar hati kerana turut dikaitkan dengan sumbangan bagi kejayaan NIBM. Beliau juga ingin berkongsi pengetahuan dan kepakaran untuk memacu pembangunan modal insan di Sri Lanka. Dengan kerjasama NIBM di bawah inisiatif Pendidikan Transnasional, buat pertama kalinya UTM akan menawarkan program-program kejuruteraan dan Program Sarjana di Sri Lanka mulai tahun ini.

Antara program-program yang ditawarkan adalah:

1. Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Mekatronik)
2. Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Elektronik)
3. Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
4. MSC (Keselamatan Maklumat)

Bagi program ijazah pula, pelajar perlu melengkapkan dua tahun pertama pengajian di Sri Lanka dan dua tahun berikutnya di kampus UTM di Malaysia. Mereka berpeluang untuk mengalami persekitaran pembelajaran di UTM bersama pelajar tempatan dan antarabangsa yang lain. UTM akan menyediakan semua keperluan yang diperlukan untuk memastikan pelajar menjalani dan menerima program yang berkualiti.

Deligasi daripada UTM dan UTMSPACE yang menghadiri majlis tersebut antaranya adalah Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE, Puan Angela Pok Wei Fun, Pengarah Strategi dan TNE UTMSPACE, Prof. Madya Dr. Zaharuddin Mohamed dan En. Zulkifli Osman. Dalam acara sambutan itu, UTM dan UTMSPACE telah mengambil bahagian dalam pameran pendidikan antarabangsa yang diadakan. Dalam majlis itu, satu memorandum persefahaman antara NIBM dan UTM telah ditandatangani bagi melaksanakan aktiviti pendidikan bersama antara kedua-dua pihak.



PERTANDINGAN BOWLING KEMERDEKAAN 2018



Pada 13 September 2018 yang lalu, satu pertandingan boling antara pelajar dan kakitangan UTMSACE telah diadakan bersempena dengan Bulan Kemerdekaan. Pertandingan ini telah disertai oleh kakitangan UTMSPACE Johor Bahru dan pelajar – pelajar Program Asasi UTM. Ia telah diadakan di Universal Bowling Skudai Parade. Seramai 50 orang kakitangan UTMSPACE dan 35 orang pelajar telah menyertai pertandingan ini.

Pertandingan boling ini diadakan adalah bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara kakitangan UTMSPACE dan para pelajar Program Asasi UTM. Ia juga telah menyemai semangat kerjasama antara kedua dua belah pihak. Ia juga telah membangkitkan semangat kepatriotik di dalam kalangan peserta. Penglibatan daripada pelbagai kaum juga telah menampilkan perpaduan dan keharmonian terjalin antara sesama kaum.





Terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori kakitangan UTMSPACE dan kategori pelajar. Bagi kategori kakitangan UTMSPACE, ia telah dimenangi oleh Azinor Afandi Bin Abdul Aziz, Nazri bin Ahmad, Khairiel Idzham Bin Nordin, Ahmad Tarmizi bin Jaafar, Abdullah Shaakir Bin Abdul Halim dengan jatuhan pin terkumpul adalah sebanyak 1021 jatuhan. Manakala bagi kategori pelajar pula telah dimenangi oleh Mohd Nor Iman Bin Mohd Habibul Rahman, Muhammad Alif Bin Muhammad Aznor, Muhammad Amir Bin Mohamad Noh, Muhammad Haziq Jazli Bin Muhammad Nadzri dan Muhammad Alif Aiman Bin Hapizu dengan membuat jatuhan pin terkumpul sebanyak 1115 jatuhan.

Di penghujung majlis para pemenang telah menerima hadiah yang telah disampaikan oleh Dekan UTMSPACE, Prof. Dr. Othman Bin Che Puan. Program ini telah disenaraikan sebagai aktiviti tambahan bagi pelajar sebagaimana keperluan kriteria di dalam proses akreditasi.



MAJLIS PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM ASASI UTM PENGAMBILAN JULAI 2018

UTMSPACE telah mengadakan majlis pendaftaran pelajar baharu Program Asasi UTM pada 5 Julai 2018 di Bok N 24, UTM Johor Bahru. Ia adalah majlis pendaftaran bagi pengambilan Julai 2018. Seramai 136 pelajar telah hadir mendaftar. Mereka yang Berjaya diterima untuk sambung ke program asasi UTM, rata-ratanya adalah lepasan SPM. Ucapan aluan telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Azraai Bin Kassim, Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE. UTMSPACE mengucapkan tahniah kepada pelajar yang diterima untuk melanjutkan pengajian di UTM.



PENDAFTARAN MAHASISWA BAHARU PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM AMBILAN SEPTEMBER 2018



Pada 18 Ogos 2018, UTMSpace telah mengadakan pendaftaran mahasiswa baharu bagi program sarjana muda pengajian separuh masa UTM untukambilan September 2018. Pendaftaran dijalankan di Blok T02 UTM Skudai Johor Bahru. Ucapan aluan pelajar telah disampaikan oleh Dr. Sofian Bin Ibrahim dan ucap terna telah disampaikan oleh Professor Dr. Othman Bin Che Puan pada majlis tersebut. Seramai 492 mahasiswa baharu telah ditawarkan tempat ke pelbagai program dimana pengajian di mulakan pada minggu pertama September. UTMSpace mengucapkan Tahniah kepada yang berjaya.



AUDIT SUSULAN AKREDITASI SEMENTARA: PROGRAM ASASI UTM

UTMSPACE telah menerima kehadiran Ahli Panel Audit Susulan Akreditasi Sementara bagi Program Asasi UTM yang ditadbir oleh Pusat Pengajian Ijazah (PPI) pada 13 Ogos 2018. Kehadiran ahli panel yang terdiri daripada Prof. Dr. Md Rahim Bin Sahar dan Prof. Madya Dr. Ahmad Zuri Bin Sha'ameri dan turut disertai oleh Urusetia daripada Pusat Kualiti Dan Pengurusan Risiko, UTM (UTM QRiM) iaitu Dr. Maisarah Binti Mohamed Saat, Timbalan Pengarah (Pemantauan Kualiti Akademik) dan Puan Che Noorlia Binti Shaarin, Penolong Pendaftar. Laporan Interim yang disediakan oleh PPI hasil keputusan bersyarat Audit Akreditasi Sementara pada 9 April 2018 telah diserahkan kepada pihak UTM QRiM pada 2 Ogos 2018 untuk tindakan selanjutnya pihak urusetia dan ahli panel.

Sesi audit kali ini melibatkan semakan dokumen, temu bual bersama-sama pelajar dan tenaga pengajar serta lawatan melibatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Keputusan audit susulan ini akan memperakukan Akreditasi Sementara : Program Asasi UTM yang telah diberikan sebelum program ini dijalankan pada Mei 2018.

PROGRAM PASSAGE TO ASEAN (P2A)

Program Passage to ASEAN (P2A) telah diadakan di UTM Kuala Lumpur dari 10hb hingga 16hb Julai 2018. Program ini telah disertai seramai 35 mahasiswa daripada Rangsit University, Thailand. Program ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang budaya Malaysia dan masyarakat setempat. Beberapa program menarik telah mereka jalani sepanjang berada di Malaysia dan yang pastinya mereka ingin sertai semula dalam program yang sama sekiranya diberi peluang sekali lagi.



LATIHAN PENINGKATAN KEMAHIRAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

Pada 8hb sehingga 17hb Ogos yang lalu , seramai 12 pegawai dari Kementerian Kebajikan Masyarakat, Bangladesh telah menyertai latihan Peningkatan Kemahiran dan Pembangunan Kapasiti. Dalam sesi latihan itu, mereka telah dibawa melawat ke Pusat Aktiviti Warga Emas Parlimen Batu dan juga ke Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat di Putrajaya. Hasil daripada sesi latihan dan lawatan yang disertai, mereka memperoleh beberapa pendekatan dan kaedah baharu bagi menangani isu-isu semasa untuk diadaptasikan ke dalam proses kerja yang akan dilaksanakan kelak.



PAMERAN PENDIDIKAN STAR

Pada 8 Ogos 2018 yang lalu, UTMSPACE telah menyertai Pameran Pendidikan STAR di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Penyertaan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan promosi tentang produk – produk UTMSPACE khususnya kepada umum. Pameran ini telah diserati oleh Bahagian Pembangunan Bisnes dan Pusat Program Ijazah UTMSPACE.



PERASMIAN PEMBUKAAN UNIVERSITI QAIWAN KURDISTAN, IRAQ



Kampus Universiti Qaiwan di Sulaimaniyah, Kurdistan, Iraq telah dibuka secara rasminya oleh Tuan Yang Terutama Qubaid Talabani, Timbalan Menteri Wilayah Kurdistan. Majlis ini telah disaksikan oleh beberapa tetamu kehormat dari dalam dan luar negara termasuklah perwakilan daripada UTM dan UTMSPACE. Dato' Abu Bakar Mohd Nor Pengerusi bagi Lembaga Pengarah UTMSPACE telah mengetuai delegasi daripada UTM dan UTMSPACE. Turut serta dalam delegasi tersebut adalah Timbalan Naib Canselor UTM (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Ir. Dr. Zainuddin bin Abdul Manan, Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusan UTMSPACE Prof. Ir. Dr. Mohd. Azraai Bin Kassim serta beberapa pegawai daripada UTM dan UTMSPACE.

Prof. Ir. Dr. Zainuddin bin Abdul Manan telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan pada majlis tersebut. Memetik dari ucapan beliau, UTM ingin mengwujudkan kampus cawangan di timur tengah, dan ini adalah waktu yang terbaik untuk UTM memainkan peranannya bersama Qaiwan Universiti bagi tujuan tersebut. Jelas beliau lagi, UTM akan pastikan program yang ditawarkan mampu memberi lebih banyak kepelbagaian yang memenuhi kehendak pelajar di sana.

Prof. Ir. Dr. Zainuddin mengucapkan setinggi – tinggi tahniah kepada Qaiwan Universiti di atas pembukaan kampus baharunya dan berharap mereka menjadi sumber saluran keilmuan kepada rakyat Iraq, mahupun masyarakat di Kurdistan khususnya.



EKSPO PENDIDIKAN, DHAKA, BANGLADESH



Pada 11hb sehingga 17hb September yang lalu UTMSPACE telah menyertai Ekspo Pendidikan di Dhaka Bangladesh. Pasukan dari UTMSPACE telah di ketuai oleh Encik Ashraf Bin Zainal Mokhtar dari Bahagian Pendidikan Transnasional UTMSPACE. Ekspo pendidikan itu juga turut disertai oleh beberapa pegawai daripada Bahagian Pengambilan dan Kemasukan Pelajar UTM (SRAD). Tujuan penyertaan kali ini adalah untuk mempromosikan produk-produk akademik UTMSPACE dan UTM yang boleh disertai oleh pelajar-pelajar dari Dhaka khususnya.



LAWATAN PEMASARAN KE YANGON, MYANMAR

Pada 16hb sehingga 19hb September yang lalu, pasukan daripada Bahagian Pendidikan Transnasional telah membuat lawatan pemasaran di Yangon Myanmar. Lawatan ini telah diketuai oleh Madam Angela Pok. Dalam masa yang sama mereka telah membuat lawatan muhibbah ke University of Hanthawaddy dan juga ke Kedutaan Malaysia di Myanmar.



SEMINAR ISU SEMASA DAN AMALAN TERBAIK (ISAT) DALAM PENGURUSAN KONTRAK PEMBINAAN



Seminar Isu Semasa dan Amalan Terbaik (ISAT) dalam Pengurusan Kontrak Pembinaan anjuran bersama antara UTMSPACE dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE) telah berlangsung pada 24 dan 25 Julai 2018 yang bertempat di Dewan Utama, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi (CREaTE), Melaka.

Objektif pelaksanaan seminar ini adalah dijadikan sebagai platform dan wadah bagi perkongsian isu semasa dalam pengurusan kontrak pembinaan, serta mengetengahkan amalan terbaik dalam usaha mencapai pelaksanaan projek yang berjaya. Seminar ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap kepentingan pembudayaan ilmu yang menyumbang kepada pembangunan kemahiran insaniah dan teknikal dalam lima (5) bidang utama kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, arkitek dan jurukur bahan.

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar), YBrs. Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid, telah berbesar hati untuk merasmikan seminar ini yang dihadiri oleh kakitangan Jabatan Kerja Raya, kader, Majlis Perbandaran, Kontraktor, Perunding, Pensyarah dan pelajar – pelajar yang terlibat dalam industri pembinaan dengan jumlah keseluruhan peserta adalah seramai lebih kurang 230 orang.

Sebanyak 3 ucap terna yang dibentangkan pada seminar ini di mana ia telah disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman dan antaranya adalah Sr. Amran bin Mohd Majid, Pengarah Dasar dan Kontrak (Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan) JKR, Sr. Dr. Mohd Mazlan bin Che Mat (MCM Associates Sdn. Bhd.) dan Prof. Madya Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof (Pengarah Pendidikan Berterusan, UTMSPACE). Tiga forum perbincangan telah diadakan sebagai platform yang sesuai untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para penceramah, moderator dan ahli panel seminar. Para peserta berpeluang berinteraksi bersama ahli panel dengan bertanya dan bertukar pendapat, serta mereka berpeluang mendapatkan khidmat nasihat berkaitan isu semasa dan amalan terbaik pengurusan kontrak.

Tajuk-tajuk forum dan barisan moderator dan ahli panel adalah seperti berikut:

Forum 1:

Permasalahan & Cabaran dalam Pentadbiran dan Pemantauan Projek - Pra Kontrak

Moderator :

Sr Mohd Zaid bin Zakaria,
Pengurus Besar, Bahagian Bisnes & Antarabangsa, CIDB

Ahli Panel:

1. Sr Amran bin Mohd Majid, Pengarah Dasar dan Kontrak, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, JKR
2. Ar. Azman Md. Hashim, Arkitek Penguasa Kanan, JKR

Forum 2:

Permasalahan & Cabaran dalam Pentadbiran Pasca – Kontrak dan Pemantauan Kontrak

Moderator :

Ir Dr. Hannerita bt Mohd Zainal, Ketua Bahagian Audit & Integriti, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat, JKR

Ahli Panel:

1. Michelle Sunita Kummar, Wakil Pengarah Urusan, Sundra Rajoo Arbitration Chambers Sdn Bhd
2. YBhg. Dato' Sr Ahmad Zainuddin bin Jamaluddin, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Lembaga Pengarah KTMB

Forum 3:

Pembudayaan Ilmu di kalangan Pihak Berkepentingan dalam Industri Binaan

Moderator:

Sr Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimah, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu, JKR

Ahli Panel:

1. Tuan Roslan Tuan Mat, Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
2. Prof. Madya Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof, Pengarah Pendidikan Berterusan, UTMSPACE

Sesi seminar diakhiri dengan pembentangan isu yang bertajuk “Technology Showcase” dari Integrated Project Information Management Sdn. Bhd. (IPIM) yang disampaikan oleh Sr Sharifah Noraini Noreen Syed Ibrahim Al-Jamalullail, BIM Director.



PROGRAM BERSAMA PROFESOR PELAWAT: PROFESOR SHELDA DEBOWSKI



UTMSPACE telah melantik Prof. Shelda Debowski, perunding pendidikan tinggi antarabangsa, sebagai Profesor Pelawat dalam bidang pembangunan akademik staf. Beliau telah berada di Malaysia untuk lawatan pertamanya pada 16 - 21 September 2018.

Antara program yang dijalankan bersama Prof. Shelda Debowski adalah seperti berikut :

Program	Tarikh	Tempat
Public Lecture: The Secrets of Successful Academics	17 September 2018	Auditorium IBD, UTM
Perbincangan bersama staf akademik UTM / UTMSPACE	18 September 2018	UTMSPACE, T05, UTM
Professional Talk: The Secrets of Successful Academics	18 September 2018	FABU, UTM
Bengkel bersama staf akademik UTMSPACE	19 September 2018	Bilik Mesyuarat Utama, UTMSPACE
Seminar on Academic Leaders for New Academia: Building Capacity, Communities and Cultures with Heart	20 September 2018	AKEPT, Bandar Enstek, Nilai
Perbincangan bersama staf di UTMSPACE KL	21 September 2018	UTMSPACE Kuala Lumpur



UTMSPACE adalah penyedia latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF), agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Melalui pelantikan Prof Shelda sebagai profesor pelawat, UTMSPACE berhasrat menjadi penyedia latihan terkemuka bagi pembangunan staf akademik sejajar dengan kehendak pendidikan tinggi Malaysia bagi menganjurkan siri latihan program pembangunan profesional untuk orang ramai mengenai subjek pembangunan staf akademik sepanjang tahun 2019.



PERSIDANGAN ASIA PACIFIC STUDENT SERVICES ASSOCIATION INTERNATIONAL (APSSA) CONFERENCE 2018 YANG KE 16.

The 16th APSSA Conference 2018 telah diadakan pada 6 – 10 Ogos 2018 di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur. Seramai lebih 350 orang menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada pembentang, staf serta pelajar universiti dari dalam dan luar negara. Antara negara yang turut serta adalah Amerika Syarikat, Australia, China, Filipina, Jepun, Jerman, Pakistan, Singapura dan Thailand.

Dua (2) program dijalankan secara serentak iaitu persidangan untuk para kakitangan yang merangkumi 5 sub tajuk dan persidangan untuk mahasiswa yang mempunyai 4 sub tajuk. Seramai 10 orang ahli panel dan 2 orang pengucap utama membentangkan kertas kerja masing-masing. Program ini telah berjaya mencapai hasrat utama iaitu menyatukan negara-negara Asia Pasifik dalam pembangunan pelajar dan berkongsi idea dalam meningkatkan dan memberi nafas baru dalam usaha mencapai kemajuan dalam pembangunan pelajar.



TAMAN EDU VIEW GARDEN UTMSPACE – TAMAN BUATAN PERTAMA DI T05



Taman buatan pertama UTMSPACE yang diberi nama The UTMSPACE Edu View Garden telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Mohd Azraai Bin Kassim pada 18 September yang lalu. Satu pertandingan bagi menamakan taman tersebut telah diadakan dan sejumlah 20 penyertaan telah diterima oleh pihak pengajur. Encik Mohamad Fahmi Bin Amat Easan dari Bahagian Pembangunan Bisnes telah dinobatkan sebagai pemenang dalam pertandingan tersebut. Menurut beliau, sebanyak tiga pencalonan nama taman telah dihantar bagi pertandingan tersebut, dan tidak menyangka salah satu daripadanya telah terpilih.

Taman yang bertempat di aras empat bangunan T05, UTMSPACE Johor Bahru ini adalah taman yang berkonsepkan santai ilmu bersama alam. Taman ini telah memulakan pembikinannya seawal Julai 2018 secara berperingkat. Ia dimulakan dengan pemasangan pagar keselamatan, pemasangan kapet rumput tiruan, saluran perparitan dan air, serta beberapa perhiasan taman termasuk bangku dan meja taman. Ia juga telah dihiasi dengan beberapa pokok – pokok yang di tanam di dalam pasu bagi menghiasi sekitar taman tersebut.





UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(UTMSpace)

FEBRUARY 2019 INTAKE

Is Now Open

NEW
PROGRAMME



BACHELOR OF
GENERAL STUDIES
(HONS)

BACHELOR OF
BUSINESS ADMINISTRATION
INTERNATIONAL BUSINESS (HONS)



Apply online @ www.utmspace.edu.my

Direct
application
without
UPU

Full-Time &
Part-Time
MODE

4 YEARS
(8 Semester)

UTMSpace

QS ASIAN
UNIVERSITY
RANKINGS **#49**



For more info contact:
Tel : 07-531 8000 / 8061 / 8073 Whatsapp: 019-777 6690
E-mail : enquiry@utmspace.edu.my